

ESTETIKA SET TIRAI LATAR BABAK TEATER BANGSAWAN

KOLEKSI RAHMAN B.

JEFFRI BIN HARON

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA PENGAJIAN SENI HALUS
(MOD PENYELIDIKAN)**

FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2014



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپريسي تعليم سلطان ايدريس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 25.....(hari bulan).....9..... (bulan) 2014.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, JEFFRI BIN HARON, M20111000846, FSKIK (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk ESTETIKA SET TIRAI LATAR BABAK TEATER BANGSAWAN KOLEKSI RAHMAN B.

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, P. M DR. TABUL SHAHAJAM SAID (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk ESTETIKA SET TIRAI LATAR BABAK TEATER BANGSAWAN KOLEKSI RAHMAN B.

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah (SLA NYATAKAN NAMA

IJAZAH).

25/9/14.
Tarikh

Tandatangan Penyelia

PENGHARGAAN



السَّلامُ عَلَیْکُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَکَاتُهُ

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kepada Allah S.W.T kerana di atas rahmat dan hidayat Nya dapat saya melunaskan kajian ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya Dr. Tajul Shuhaizam Said kerana tidak jemu-jemu memberi tunjuk ajar dan dorongan kepada saya. Tidak ketinggalan juga kepada Ketua Jabatan dan pensyarah-pensyarah Jabatan Seni dan Rekabentuk yang sama-sama memberi pendapat dalam saya menyiapkan kajian ini.

Ucapan terima kasih tidak terhingga saya tujukan kepada Cikgu Rahman B kerana mengizinkan saya membuat kajian menggunakan koleksi beliau. Kesudian beliau meluangkan masa dan menceritakan perihal Bangsawan kepada saya amatlah saya hargai. Ilmu yang dicurahkan akan saya kenang sepanjang hayat. Terima kasih Cikgu.

Ucapan terima kasih dan kasih sayang saya ditujukan khas untuk Ibu yang saya cintai kerana berkat doa dan dorongan daripadanya saya masih teguh untuk menghadapi masa-masa yang sukar semasa menyempurnakan kajian ini. Kepada ahli keluarga saya yang tidak jemu-jemu memberi semangat kepada saya terima kasih jua diucapkan. Buat Zool, Yan, Siti, Gigie, Koyan, Rizz, Dr. Hussin, Fahmi, Man Kodiang dan rakan-rakan karib lain yang sentiasa memberi semangat untuk menayakan kajian ini terima kasih diucapkan.

Tidak dilupa kepada Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) yang telah menaja saya. Kepada warga ASWARA terutamanya Puan Habsah Noordin, Encik Zakaria Ariffin, Encik Amir, Puan Mahligah, Cek Kem, Kak Kushee, Encik Reza Zainal Abidin, Rosman, Juhara, Shahrul Mizad, Kak Normadiyah, Norazleen, Kak Azimah, Shikin dan rakan-rakan yang lain, hanya ucapan terima kasih yang dapat diucapkan.

Kepada adik-adik saya yang membantu saya dalam kerja-kerja lapangan terutamanya Izzat, Firdaus, Saiful dan Fadillah. Tanpa kalian saya akan pincang. Terima kasih juga kepada Dr. Ahmar yang sedikit sebanyak memberi tunjuk ajar dan dorongan kepada saya. Terima kasih kerana sudi membantu. Jasa kalian akan sentiasa dikenang. Terima kasih juga kepada responden-responden saya yang sudi berkongsi ilmu dan pengalaman. Saya amat menghargai kesudian kalian meluangkan masa untuk saya.

Akhirnya, terima kasih tidak terhingga kepada mana-mana pihak yang telah memberi pertolongan, tunjuk ajar dan dorongan kepada saya dalam menyempurnakan kajian saya ini.

Nama : Jeffri Bin Haron
No. Matrik : M20111000846
Tajuk : Estetika Set Latar Babak Teater Bangsawan Koleksi Rahman B.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji nilai estetika Melayu pada set tirai latar babak teater bangsawan koleksi Rahman B dalam aspek motif dan rupabentuk, serta falsafah dan nilai kepercayaan Melayu. Konsep seni rupa Melayu dijadikan sebagai panduan semasa proses pengumpulan dan analisis data dijalankan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan deskriptif. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah temu bual, artifak dan bahan teks. Bahan artifak terdiri daripada enam set tirai latar babak teater Bangsawan yang telah melalui proses saringan tertentu. Hasil kajian menunjukkan unsur-unsur alam semulajadi merupakan suatu sumber yang dekat dengan masyarakat Melayu dan mempengaruhi kehidupan dan kesenian orang Melayu yang dijelmakan menerusi rupa dan motif kerawang berupa corak dan rupa flora. Nilai kepercayaan dan mitos masyarakat Melayu juga mempengaruhi set-set tirai latar babak teater Bangsawan Rahman B. Secara kesimpulan, kajian ini menjelaskan tentang kepentingan nilai kepercayaan Melayu dalam aspek rupa bentuk dan falsafah Melayu di dalam set tirai latar babak teater bangsawan. Kajian ini diharap akan dapat meningkatkan kefahaman tentang kepentingan falsafah Melayu di dalam teater bangsawan dan seterusnya dapat dipertahankan untuk generasi akan datang.

Nama : Jeffri Bin Haron
No. Matrik : M20111000846
Tajuk : Estetika Set Latar Babak Teater Bangsawan Koleksi Rahman B.

AESTHETICS OF BANGSAWAN BACKDROP SETS IN RAHMAN B'S COLLECTION

ABSTRACT

This research is intended to study the Malay aesthetic values used as backdrops used in the scenes in Bangsawan which are Rahman B's collection in the aspects of motifs and design as well as the philosophy and values of Malay beliefs. The concept of Malay visual art is used as a guide during the process of collecting and analysis of data. This research uses the qualitative method with the descriptive approach. The instruments used in this study are interviews, artifacts and texts. Artifacts are from six backdrops in Bangsawan theatre that have undergone the process of specific screening. The results of the research has demonstrated that elements of nature as a source that is close to the Malay community and influences the life and art of the Malays that appears through the visuals and latticework motifs in the patterns and appearance of flora. The values in the beliefs and myths of the Malay community have also influenced the backdrop sets in Rahman B's Bangsawan theatre. In summation, this study explains the importance of the values in the beliefs of the Malays in the aspects of visual appearance and Malay philosophy in backdrop set designs in the scenes of Bangsawan theatre. It is hoped that this study will raise the understanding of the importance of Malay philosophy in Bangsawan theatre and hence can be maintained for the new generations to come.

KANDUNGAN

PENGAKUAN	Error! Bookmark not defined.
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI GAMBAR	ix
 BAB 1 PENDAHULUAN	 1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Persoalan Kajian	11
1.6 Kerangka Teoritikal	12
1.7 Istilah Konsep Teoritikal	13
1.7.1 Set Tirai Latar Babak Teater Bangsawan	13
1.7.2 Rupa Dan Jiwa	15
1.7.3 Formalistik	16
1.7.4 Estetika	17
1.8 Batasan Kajian	18
1.9 Kepentingan Kajian	20
 BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	 21
2.1 Pengenalan	21
2.2 Sejarah Dan Perkembangsan Teater Bangsawan Di Tanah Melayu	22
2.2.1 Asal Usul Bangsawan	23
2.2.2 Perkembangan Dan Kemorosotan Teater Bangsawan	31
2.2 Set Tirai Latar Babak Teater Bangsawan	36
2.3 Falsafah Kebudayaan Melayu Dan Seni Rupa Melayu	43
2.3.1 Kebudayaan Melayu	43
2.3.2 Seni Rupa Melayu	47
2.4 Rupa Dan Jiwa	52
2.5 Formalistik	55
 BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN	 57
3.1 Pengenalan	57
3.2 Reka Bentuk Kajian	58
3.2.1 Penelitian Karya Seni	59
3.2.2 Temubual Responden	60
3.2.3 Bahan Dokumentasi	62
3.3 Pengumpulan Data	63
3.4 Matrik Pengumpulan Data	72

BAB 4 ESTETIKA SET TIRAI LATAR BABAK TEATER BANGSAWAN

RAHMAN B	73
4.1 Pengenalan	73
4.2 Estetika Set Tirai Latar Babak Pemandangan Ruang Istana.	74
4.3 Estetika Set Tirai Latar Babak Pemandangan Alam	89
4.4 Estetika Set Tirai Latar Babak Pemandangan Ruang Bilik.	98
4.5 Set Tirai Latar Babak Teater Bangsawan Koleksi Rahman B. Dari Sudut Seni Halus.	106

BAB 5 KESIMPULAN **125**

5.1 Pengenalan	125
5.2 Kesimpulan	126
5.3 Cadangan	134

RUJUKAN **136****LAMPIRAN** **140**

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1 Jadual bilangan keseluruhan set tirai latar babak teater Bangsawan koleksi Rahman B mengikut kategori Set	65
3.2 Jadual perbincangan set tirai latar babak teater Bangsawan koleksi Rahman B mengikut kategori Set.	65
3.3 Jadual set tirai Bangsawan koleksi Rahman B hasil daripada kerja lapangan.	67-68
3.4 Matrik pengumpulan data	72
4.1 Warna yang mewakili status dalam set tirai latar babak teater Bangsawan Rahman B.	123

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Teoritikal	12
2.1 Kronologi Pelopor Bangsawan Dari Tahun 1885 hingga 1922	30
3.1 Metodologi Kajian Penyelidikan	62
4.1 Sudut pandangan dari atas susun atur Set tirai latar tebuk (a), (b) dan (c)	116
4.2 Sudut pandangan dari sisi susun atur Set tirai latar tebuk (a), (b) dan (c)	116

SENARAI GAMBAR

Gambar	Muka Surat
1.1 Bangsawan Tun Fatimah	4
1.2 Set Tirai Bangsawan pada Abad ke 19	6
2.1 Set Tirai Istana di dalam Bangsawan Tun Fatimah Sri Kandi Melaka	38
2.2 Set Tirai Taman di dalam Bangsawan Si Tanggang	39
2.3 Set Tirai Pemandangan Alam oleh Kolej Yayasan UEM (KYUEM)	39
3.1 Pengkaji bersama Rahman B. semasa temubual di rumah beliau pada 28 November 2012	71
4.1 Set tirai latar babak Pemandangan Balairung Seri Istana	75
4.2 Keratan visual ukiran pada dinding Balairung Seri	77
4.3 Keratan visual ukiran pada tiang Balairung Seri	78
4.4 Keratan visual ukiran pada kepala pintu Balairung Seri	79
4.5 Keratan visual ukiran sesiku keluang pada tiang Balairung Seri yang memberi kekemasan yang menarik dan menjadi hiasan	79
4.6 Keratan visual ukiran pada kekipas Balairung Seri	80
4.7 Set tirai latar babak pemandangan ruang Beradu Di Raja	80
4.8 Keratan visual ukiran pada dinding ruang beradu Di Raja.	81
4.9 Keratan visual ukiran pada tiang ruang beradu Di Raja.	81
4.10 Keratan visual ukiran pada kepala pintu ruang beradu Di Raja.	82
4.11 Keratan visual ukiran sesiku keluang pada tiang ruang beradu Di Raja.	82
4.12 Penggunaan <i>Arch</i> pada Balai Besar, Alor Setar Kedah	84
4.13 Penggunaan <i>Arch</i> unsur barat di dalam set tirai latar babak ruang Beradu Di Raja koleksi Rahman B.	84
4.14 Keratan visual ukiran menggunakan pola bujang pada set tirai latar babak pemandangan ruang beradu Di Raja.	86
4.15 Keratan visual ukiran menggunakan pola pemedang pada set tirai latar babak pemandangan Balairung Seri.	87
4.16 Keratan visual ukiran menggunakan pola lengkap pada set tirai latar babak pemandangan Balairung Seri	87
4.17 Pokok buluh di dalam set tirai latar babak pemandangan alam koleksi Rahman B.	93
4.18 Set tirai latar babak pemandangan Gua Batu koleksi Rahman B.	95
4.19 Pelan dan ruang-ruang bagi rumah Melayu	99
4.20 Set tirai latar babak pemandangan Ruang Rumah Pembesar Istana	101
4.21 Set tirai latar babak pemandangan Ruang Bilik Pembesar Istana.	102
4.22 Dinding bermotif ukiran kayu bagi set tirai latar babak pemandangan ruang bilik pembesar Istana.	103
4.23 Rupa ukiran kayu pada kekipas dinding set tirai latar babak pemandangan ruang bilik koleksi Rahman B.	104
4.24 Rupa ukiran kayu pada siku keluang set tirai latar babak pemandangan ruang bilik koleksi Rahman B.	104
4.25 Contoh proses asas lakaran set tirai latar babak teater Bangsawan oleh Rahman B.	107

4.26	Perspektif aras mata dan ruang rata.	111
4.27	<i>Aerial Perspective</i> dan komposisi rata (<i>flat composition</i>)	113
4.28	Set tirai latar tebuk (a)	114
4.29	Set tirai latar tebuk (b)	114
4.30	Set tirai latar tebuk (c)	115
4.31	Imbangan Semetri	118
4.32	Imbangan Tidak Semetri	118
4.33	Penggunaan garisan menghasilkan ilusi ruang kedalaman atau kejauhan	119
4.34	Penggunaan warna yang menghasilkan rupa daun pokok buluh	121



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Bab ini akan menerangkan secara ringkas mengenai latar belakang kajian iaitu set tirai latar babak teater Bangsawan yang diguna pakai di dalam pementasan Bangsawan. Bab ini juga akan menerangkan dengan jelas akan permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, batasan kajian, kepentingan kajian dan analisa data kajian.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Teater Bangsawan adalah sebuah pementasan teater tradisional yang telah bertapak di Tanah Melayu sejak tahun 1870-an. Teater Bangsawan ini dipercayai telah dibawa masuk dari India melalui Pulau Pinang. Pada ketika itu juga, Teater Bangsawan dikenali dengan nama “Wayang Parsi” atau “Mendu” (Rahmah Bujang, 1989). Teater Bangsawan adalah satu bentuk hiburan yang paling popular pada tahun 1880-an. Pelbagai unsur-unsur kesenian wujud di dalam pementasan Bangsawan iaitu seni lakonan, seni tarian, seni muzik, seni nyanyian, lawak jenaka dan juga seni visual. Unsur-unsur kesenian ini bersatu dan saling melengkapi untuk menjadikan sesebuah pementasan Bangsawan itu akan lebih menjadi lebih menarik untuk ditonton oleh penonton.

Bangsawan merupakan satu bentuk teater yang sangat popular yang ditonton oleh pelbagai kaum. Kepopularan Bangsawan telah membawa Bangsawan dipentaskan di bandar-bandar utama dan daerah-daerah luar bandar Tanah Melayu. Malahan juga telah dipentaskan menyeberangi Selat Melaka. Kepopularan pementasan Bangsawan telah berjaya menarik penonton bukan sahaja dari kaum Melayu sahaja, malahan telah menarik penonton dari golongan kaum Baba dan Nyonya¹, Jawi Peranakan², orang Cina, India, Arab dan juga Eropah. Kepopularan Bangsawan adalah daya tarikan yang ada pementasan tersebut yang kuat iaitu kewujudan orkestra muzik dan tarian yang menjadi nadi utama di dalam pementasan Bangsawan selain lakonan (Tan Sooi Beng, 2011).

¹ Orang Cina yang lahir di Tanah Melayu dan bertutur sejenis patois bahasa Melayu (Tan Sooi Beng, 2011. Hlm 41.)

² Anak hasil perkahwinan wanita Melayu dan lelaki India (Tan Sooi Beng, 2011. Hlm 41).

Namun demikian, ramai yang tidak menyedari bahawa di dalam pementasan Bangsawan, terdapat unsur seni visual yang amat nyata dan jelas dengan memberi peranan yang sangat penting iaitu “Set tirai latar babak”. Set tirai latar babak inilah yang digunakan di dalam setiap persembahan Bangsawan atau lebih dikenali dengan nama “Set tirai latar babak teater Bangsawan”. Set tirai latar babak teater Bangsawan mampu memberi kesan dan impak yang besar kepada pementasan Bangsawan secara keseluruhannya. Jika diperhatikan dengan lebih teliti, setiap persembahan teater Bangsawan mempunyai tirai-tirai yang dilukis pemandangan-pemandangan mengikut situasi dalam lakonan tersebut. Tirai-tirai inilah yang memberi kesan visual dua dimensi kepada penonton dalam mentafsir situasi yang dilakonan oleh para pelakon.

Set-set tirai latar babak teater Bangsawan ini mempunyai nilai-nilai estetika yang sangat tinggi terutamanya jika dilihat daripada estetika Melayu. Menurut Syed Ahmad Jamal (1992),

“estetika bererti sesuatu yang berkaitan dengan deria pengamatan terhadap sesuatu perkara atau suasana yang menekankan aspek kesenian atau keindahan, bukan menekankan aspek kegunaan.”

Namun demikian, estetika set tirai latar babak teater Bangsawan bukanlah hanya untuk diamati sahaja. Malahan estetika set tirai latar babak teater Bangsawan mempunyai peranan dan fungsi yang penting di dalam sesebuah pementasan Bangsawan. Mohamed Ghouse Nasuruddin (2003) ada mengatakan,

“...tidak seperti teater tradisional lain yang menandakan tempat melalui dialog, Bangsawan menggunakan backdrops untuk menunjukkan tempat; iaitu cuba menciptakan kenyataan ilusi.”

Penyataan itu membayangkan bahawa set-set tirai latar babak teater Bangsawan ini telah menjangkau lebih jauh di mana ianya bukanlah hanya sekadar untuk diamati. Malahan, estetika set tirai latar babak teater Bangsawan ini bersatu di dalam pementasan Bangsawan. Estetika set tirai latar babak teater Bangsawan juga di dapati memberi unsur-unsur kekaguman. Menurut Nur Afifah Vanitha Abdullah (2009), hiasan latar (tirai) dan sebing³ dilukis di bahagian hadapan dan belakang agar sesuai dengan semua lokasi dalam cerita. Hiasan latar (tirai) dan sebing yang cantik bertindak sebagai sebahagian daripada aspek kekaguman pementasan Bangsawan. Unsur kekaguman dalam pementasan teater amat penting kerana ianya memberi kesan emosi kepada penonton. Oleh yang demikian, set tirai dan sebing yang cantik dan menarik mampu menambahkan emosi kepada pelakon dan juga emosi penonton. Emosi ini merangkumi nilai-nilai estetik yang dapat menyentuh seluruh deria rasa khalayak.




*Gambar 1.1 :Bangsawan Tun Fatimah
(Sumber: Jabatan Warisan Negara)*

³ Sebing adalah pemedang pipih untuk bahagian tepi di kiri dan kanan pentas. Sebing diperbuat daripada kain yang berbingkai kayu dan didirikan untuk mengadang bahagian belakang set tirai daripada dilihat penonton. Sebing berfungsi sebagai pelindung pekerja 'tarik tirai' atau pelakon yang menunggu giliran untuk masuk ke sesuatu adegan. (Rahmah Bujang, 1989. Hlm 13).

Menurut Nur Afifah Vanitha Abdullah (2009) lagi, melalui unsur kekaguman yang ada pada set-set tirai latar babak teater Bangsawan ini, ianya akan memberi kelebihan kepada pelakon-pelakon yang membawa watak di dalam sesebuah pementasan. Ini kerana unsur-unsur kekaguman yang ada pada set-set tirai latar babak teater Bangsawan akan menyembunyikan kelemahan-kelemahan pelakon sewaktu berada di atas pentas. Justeru itu, estetika dan keunikan yang ada pada set tirai latar babak teater Bangsawan amat penting sepanjang perjalanan pementasan Bangsawan diadakan. Pertukaran set tirai pada setiap babak pementasan bukanlah sekadar memberi pengertian situasi kepada penonton, namun ianya juga memberi kelebihan kepada pelakon-pelakon Bangsawan menyembunyikan kesilapan atau kelemahan lakonan mereka sewaktu di atas pentas.

Oleh yang demikian, melihat kepada keunikan dan keistimewaan set tirai latar babak teater Bangsawan ini, pengkaji merasakan perlu ada satu usaha menjalankan suatu kajian yang lebih terperinci mengenai estetika falsafah Melayu yang tersirat di dalam pementasan Bangsawan ini. Kajian estetika falsafah Melayu ini lebih menjurus kepada seni visual di dalam pementasan Bangsawan khususnya. Kajian estetika mengenai set tirai latar babak teater Bangsawan akan dijadikan sebagai satu bahan rujukan pada masa akan datang. Melihat kepada perkembangan Bangsawan yang pernah mengalami zaman kegemilangan dan zaman kejatuhannya dan kini pementasan Bangsawan hanya boleh dilihat di dalam skala yang sederhana sahaja. Persoalannya di sini, adakah set tirai latar babak teater Bangsawan ini masih diguna pakai sewaktu pementasan Bangsawan dipentaskan? Masih relevankah set tirai latar babak teater Bangsawan ini diguna pakai pada zaman yang berteknologi moden pada masa kini?.



Gambar 1.2 : Set tirai latar babak teater Bangsawan pada abad ke 19
(Sumber : http://www.singapedia.com.sg/entries/m/malay_theatre.html)

Menerusi pengamatan dan kajian awal kepada beberapa pementasan Bangsawan yang dianjurkan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), pengkaji masih mendapati penggunaan set tirai latar babak teater Bangsawan digunakan dan masih relevan dengan pementasan Bangsawan pada masa kini. Ini kerana set tirai latar babak teater Bangsawan ini mempunyai nilai-nilai estetika yang sangat tinggi dalam pementasan Bangsawan itu sendiri dan ianya sangat relevan dengan “genre-genre” yang ada di dalam corak persembahan teater Bangsawan yang dipentaskan.

Justeru itu, analisis dan sintesis yang lebih mendalam mengenai set tirai latar babak teater Bangsawan yang masih ada digunakan pada pementasan-pementasan Bangsawan pada masa kini perlu dikaji. Sehubungan itu, kajian mengenai set tirai

latar babak teater Bangsawan ini tidak akan lengkap jika tidak langsung kepada Adiguru Bangsawan iaitu Seniman Negara Tuan Haji Abdul Rahman Bin Haji Abu Bakar atau lebih dikenali dengan nama Rahman B.

Rahman B, mempunyai koleksi peribadi set-set tirai latar babak teater Bangsawan yang sering digunakan untuk pementasan-pementasan Bangsawan. Bersesuaian dengan status beliau sebagai Seniman Negara, kajian ini juga memperlihatkan dan seterusnya mengangkat koleksi-koleksi set tirai latar babak teater Bangsawan peribadi beliau. Kebanyakan set-set tirai latar babak teater Bangsawan ini adalah hasil daripada kerja tangan beliau sendiri. Kajian ini juga memberi fokus yang lebih kepada set tirai latar babak teater Bangsawan dan falsafah Melayu yang disirat di dalam penghasilan set tirai latar babak teater Bangsawan dan seterusnya melihat perlambangan falsafah Melayu tersebut di dalam pementasan Bangsawan. Melihat kepada kepupusan set tirai latar babak teater Bangsawan ini, diharapkan kajian ini dapat meneruskan lagi kesinambungan pembelajaran kesan seni visual dalam pementasan Bangsawan.

1.3 PENYATAAN MASALAH

Pementasan teater Bangsawan merupakan teater pementasan yang melalui perubahan dari semenjak ianya dibawa masuk ke Tanah Melayu yang diperkenalkan dengan gelaran “Wayang Parsi” atau “Mendu”. Pementasan teater ini telah diambil alih oleh orang kaya Mamak Pushi dan ianya berkembang sehingga pertengahan 1990an dan

terus mengalami zaman kemerosotan. Namun begitu, pementasan teater Bangsawan yang hampir pupus ini masih bertahan sehingga ke hari ini sebagai salah satu teater tradisional Malaysia.

Pengkaji-pengkaji terdahulu mengatakan bahawa teater Bangsawan telah memasuki Tanah Melayu melalui Pulau Pinang yang dibawa oleh pedagang-pedagang dan pekerja-pekerja India yang dibawa ke Tanah Melayu dalam sekitar 1890an (Mohamed Ghouse, 2009). Pengkaji-pengkaji ini juga menegaskan bahawa pementasan teater Bangsawan adalah peniruan daripada pementasan “Wayang Parsi” atau “Mendu” yang berasal daripada India. Justeru itu, penggunaan set tirai latar babak teater Bangsawan ini juga adalah peniruan daripada konsep persembahan yang digunakan dalam pementasan “Wayang Parsi” atau “Mendu”. Ini adalah berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh Derek Forbes (2007) di dalam kajian beliau *“Our Theatrical Attempts In This Distant Quarter’: The British Stage In Eighteenth-Century Calcutta”* telah mengatakan bahawa terdapat kumpulan persembahan teater dibawah East India Company telah menulis surat kepada Captain Thomas Riddle of Pocock’ untuk membeli pemandangan yang dilukis untuk persembahan teater.

“On 26 March 1768 four gentlemen of the Hon. East India Company’s service in Calcutta gave a commission for the purchase of theatrical scenery and scripts to the captain of one of the Company’s vessels about to depart for home.”

(Derek Forbes, 2007)

Di dalam surat yang diutuskan itu juga telah mengatakan juga saiz dan gambaran pemandangan yang perlu dilukis mengikut kehendak dan keperluan bagi pementasan kumpulan tersebut.

“We desire that one of the Scenes 29 feet broad may represent a Street and the othera Bedchamber one of the Scenes of 26 a Street another a

Parlour and the third a Hall one of the Scenes of 24 feet, a Park with Trees and the other a Garden. If the Time will permit for painting the full Length Figures of Tragedy and Comedy we request they may be added to the above Commissions."

(Derek Forbes, 2007)

Berdasarkan kepada kenyataan di atas jelas menunjukkan bahawa pementasan yang dipentaskan di Tanah Melayu masih menggunakan kebudayaan daripada India. Pernyataan ini juga disokong oleh Abdul Samat (2005) yang mengatakan persembahan kumpulan "Pushi Indera Bangsawan of Penang" adalah mengambil persembahan daripada "Wayang Parsi" atau "Mendu" iaitu dari segi penceritaan, teknik lakonan, bentuk persembahan dan termasuklah penggunaan tirai-tirai yang menggambarkan situasi di dalam persembahan. Namun begitu, kumpulan ini telah membuat perubahan daripada penggunaan bahasa, dimana bahasa yang digunakan adalah bahasa tempatan Tanah Melayu iaitu bahasa Melayu yang menggantikan bahasa Sanskrit atau Hindi.

Berdasarkan kepada pernyataan di atas jelas menunjukkan bahawa teater Bangsawan adalah teater transisi daripada teater yang mempunyai pengaruh parsi ataupun Hindu yang telah diolah kepada pementasan teater yang mempunyai unsur-unsur kebudayaan tempatan Tanah Melayu terutamanya kebudayaan-kebudayaan orang Melayu. Oleh yang demikian, pengaruh kebudayaan Tanah Melayu mempengaruhi daripada sudut bahasa, jalan cerita, bentuk persembahan sehinggalah penggunaan tirai babak teater Bangsawan juga terpengaruh kepada transisi kebudayaan Melayu ini.

Justeru itu, permasalahan kajian ini adalah melihat kepada pengaruh-pengaruh falsafah kebudayaan Melayu yang terpamer di dalam set-set tirai latar babak teater Bangsawan khususnya set-set tirai latar babak teater Bangsawan di dalam koleksi Rahman B. Kajian ini juga melihat kepada pengolahan rupa tampak seperti garisan, corak, warna, ruang dan sebagainya yang dapat dijelmakan oleh Rahman B untuk dijadikan set tirai latar babak teater Bangsawan.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan ;


1. Menganalisis elemen-elemen seni tampak yang menghasilkan estetika falsafah Melayu di dalam set tirai babak teater Bangsawan koleksi Seniman Negara Rahman B.
2. Mendokumentasikan pengaruh-pengaruh estetika Melayu dalam kontek rupa bentuk, corak dan motif di dalam set tirai latar babak teater Bangsawan koleksi Seniman Negara Rahman B.
3. Menganalisis nilai-nilai estetika Melayu yang ada dalam set tirai latar babak teater Bangsawan koleksi Seniman Negara Rahman B.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini lebih menjurus kepada estetika set tirai latar babak teater Bangsawan yang di dalam koleksi Rahman B. Terdapat beberapa aspek yang menjadi persoalan dalam kajian ini, antaranya adalah:

1. Bagaimanakah elemen-elemen seni tampak dapat diadaptasikan ke dalam set tirai latar babak teater Bangsawan koleksi Seniman Negara Rahman B sehingga mewujudkan estetika falsafah Melayu?
2. Bagaimanakah elemen visual mempengaruhi estetika falsafah Melayu di dalam set tirai latar babak teater Bangsawan koleksi Seniman Negara Rahman B.?
3. Apakah nilai-nilai estetika falsafah Melayu yang terkandung di dalam set tirai latar babak teater Bangsawan koleksi Seniman Negara Rahman B.?

1.6 KERANGKA TEORITIKAL



Rajah 1.1: Kerangka teoritikal

1.7 ISTILAH KONSEP TEORITIKAL

Berdasarkan kepada kerangka teoritikal yang dibentangkan, kajian ini akan berpandukan kepada konsep-konsep teori yang akan menemukan estetika set tirai latar babak teater Bangsawan dalam pementasan Bangsawan. Kajian ini akan melihat kepada konsep-konsep Bangsawan yang diketengahkan oleh Rahmah Bujang. Menurut Rahmah Bujang (1989), teater Bangsawan adalah meliputi cerita, lakonan, olahan pentas dan iringan muzik. Gabungan ciri-ciri ini adalah merupakan faktor-faktor yang memikat selera penonton untuk berinteraksi dengan penuh minat dalam pementasan Bangsawan.

Perungkaian kepada konsep olahan pentas yang terdiri daripada set tirai latar babak teater Bangsawan ini dikaji dengan perkaitan dengan konsep falsafah Melayu iaitu rupa dan jiwa dengan dihuraikan bersama-sama dengan konsep formalistik seni visual inilah yang dapat mencerakinkan estetika set tirai latar babak teater Bangsawan Rahman B.

1.7.1 Set Tirai Latar Babak Teater Bangsawan

Konsep Bangsawan yang menggariskan olahan pentas sebagai satu nadi utama dalam kejayaan pementasan Bangsawan membuktikan bahawa pengaruh set tirai latar babak teater Bangsawan adalah satu kemestian di dalam pementasan Bangsawan. Abdul Samat Salleh (2005) menegaskan kepentingan seni visual ini di dalam Bangsawan.

“Segala peralatan, props dan set yang ditampilkan di atas pentas sewaktu persembahan merupakan elemen yang mampu memukau penonton.”

Justeru itu, dalam mengkaji set tirai latar babak teater Bangsawan tidak akan terlepas kepada unsur-unsur seni dan prinsip-prinsip rekaan. Namun begitu, kajian ini akan memfokuskan kepada set tirai latar babak yang digunakan di dalam set tirai latar babak teater Bangsawan dan juga perlambangan-perlambangan yang wujud melalui identiti tradisi set tirai tersebut.

Set tirai latar babak di sini adalah merujuk kepada lukisan pemandangan-pemandangan dan situasi-situasi keadaan untuk memberi gambaran kepada penonton. Pemandangan-pemandangan dan situasi-situasi keadaan yang dilukis di atas kanvas yang bersaiz anggaran 22-28 kaki lebar dengan ketinggian 15 kaki mengikut saiz pentas dan saiz kumpulan (Rahmah Bujang, 1975). Merujuk kepada Nur Afifah Vanitha Abdullah (2009), hiasan latar ini dihasilkan melalui lukisan dua dimensi di atas kain kanvas dengan menggunakan cat minyak. Lukisan pada hiasan latar disesuaikan dengan jalan cerita yang dipentaskan agar ia membantu menghidupkan lakonan. Lukisan yang dilukis pada set tirai latar babak ini juga mengaplikasikan motif, corak, bentuk dan rekaletak mengikut kesuaian pementasan Bangsawan tersebut.

Ini dijelaskan oleh Nur Afifah Vanitha Abdullah (2009) yang mengatakan bahawa setiap latar yang dihasilkan akan memaparkan motif-motif masyarakat tempatan dan juga pelbagai corak flora dan fauna, serangga